



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Noor Adlina Dhabitah Hassanul Farris & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2026). Konstruksi nilai ketaatan dalam naratif “101 Puteri Dunia Melayu: Sejarah dan Legenda”: Analisis berdasarkan pengkaedahan adat Melayu berasaskan Islam. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 4, 271-287. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2026.4.15>

KONSTRUKSI NILAI KETAATAN DALAM NARATIF “101 PUTERI DUNIA MELAYU: SEJARAH DAN LEGENDA”: ANALISIS BERDASARKAN PENGKAEDAHAN ADAT MELAYU BERASASKAN ISLAM

(The Construction of the Value of Obedience in the Narrative Of “101 Puteri Dunia Melayu: Sejarah Dan Legenda” : Analysis Based on Islamic-Based Malay Customary Methodology)

¹Noor Adlina Dhabitah Hassanul Farris & ²Mohd Firdaus Che Yaacob

^{1&2} Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,
Universiti Malaysia Kelantan,
16300 Bachok, Kelantan Darul Naim

¹Corresponding author: c25d3495f@siswa.umk.edu.my

Received: 01/02/2026

Revised: 16/06/2026

Accepted: 21/07/2026

Published: 31/07/2026

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian cerita rakyat yang meneliti secara terperinci konstruksi nilai ketaatan dalam naratif *101 Puteri Dunia Melayu: Sejarah dan Legenda*. Selain itu, nilai ketaatan merupakan aspek penting dalam kehidupan masyarakat Melayu yang merangkumi ketaatan kepada ibu bapa, suami, pemerintah dan agama. Sehubungan itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengisi kelompangan kajian-kajian terdahulu yang kurang memberi penekanan terhadap nilai ketaatan dengan memfokuskan kepada analisis kandungan teks cerita rakyat dalam *101 Puteri Dunia Melayu: Sejarah dan Legenda*. Oleh itu, objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai ketaatan dalam naratif *101 Puteri Dunia Melayu: Sejarah dan Legenda* berdasarkan pengkaedahan Islam. Bahan yang diteliti dalam kajian ini ialah sebuah naskhah *101 Puteri Dunia Melayu: Sejarah dan Legenda* (2003). Kajian ini juga membataskan empat

cerita rakyat yang bertajuk *Puteri Sa'adong*, *Puteri Umbuk Mayang*, *Mahsuri* dan *Cik Siti Wan Kembang*. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini turut mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu menerusi pendekatan Islam sebagai deduktif kajian. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa nilai ketaatan dalam cerita rakyat Melayu dapat memberi kesan positif kepada masyarakat. Cerita rakyat berperanan sebagai medium penyebaran nilai murni dan diharapkan medium tersebut terus diaplikasikan dalam kehidupan seharian bagi membentuk sahsiah dan keharmonian masyarakat.

Kata Kunci: Konstruksi nilai ketaatan; 101 Puteri Dunia Melayu; Teori Pengkaedahan Melayu; Pendekatan Islam; Cerita Rakyat Melayu.

ABSTRACT

This folklore study examines in detail the construction of the value of obedience within the narrative of 101 Puteri Dunia Melayu: Sejarah dan Legenda (101 Princesses of the Malay World: History and Legend). Furthermore, the value of obedience is a crucial aspect of Malay society, encompassing obedience to parents, husbands, rulers, and religion. Accordingly, this study was also conducted to address the gaps in previous literature, which placed less emphasis on the value of obedience, by focusing on the textual content analysis of the folklore in 101 Puteri Dunia Melayu: Sejarah dan Legenda. Therefore, the objective of this study is to identify and analyze the value of obedience in the narrative of 101 Puteri Dunia Melayu: Sejarah dan Legenda based on the Islamic methodology. The material examined in this study is a copy of 101 Puteri Dunia Melayu: Sejarah dan Legenda (2003). This study also limits its scope to four folklores titled Puteri Sa'adong, Puteri Umbuk Mayang, Mahsuri, and Cik Siti Wan Kembang. The study employs a qualitative approach through library research and textual analysis. Additionally, this study applies the Malay Methodology Theory (Teori Pengkaedahan Melayu) specifically utilizing the Islamic approach as the study's deductive framework. The results of this study indicate that the value of obedience in Malay folklore can bring positive effects to society. Folklore serves as a medium for disseminating noble values, and it is hoped that these values will continue to be applied in daily life to shape character and community harmony.

Keywords: Construction of the value of obedience; 101 Puteri Dunia Melayu; Malay Methodology Theory; Islamic Approach; Malay Folklore.

PENGENALAN

Menurut Azhariah Abdul Kadir (2010), nilai ketaatan dalam Islam merujuk kepada kesungguhan dan kepatuhan jiwa terhadap agama. Pandangan ini selaras dengan penghujahan Syed Naquib Al-Attas (1995) bahawa Islam menjadi asas pembentukan pandangan semesta masyarakat Melayu serta mempengaruhi sistem nilai. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) yang menjelaskan bahawa ketaatan kepada pihak yang lebih berkuasa seperti pemimpin, ibu bapa dan agama merupakan suatu kewajipan dalam kehidupan. Sejajar dengan pandangan ini, cerita rakyat Melayu turut mengangkat nilai ketaatan sebagai unsur penting dalam pembentukan masyarakat. Mohamad Zuber Ismail & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2017) menyatakan bahawa cerita rakyat diwarisi secara turun-temurun dalam

masyarakat sebagai medium penyampaian nasihat dan penerapan adat resam Melayu serta disebarkan daripada satu individu kepada individu lain. Oleh itu, jelaslah bahawa cerita rakyat Melayu berperanan dalam menanam nilai ketaatan kepada agama, pemimpin dan ibu bapa serta membentuk jati diri masyarakat.

Seterusnya, Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua cabang utama, iaitu pengkaedahan Islam (sebelum ini dikenali sebagai pengkaedahan keagamaan) dan pengkaedahan alamiah. Kajian ini menggunakan pengkaedahan Islam (Hashim Awang, 1993), yang berlandaskan kepada keimanan yang berasaskan agama Islam. Sumber terbesar bagi pengkaedahan Islam ialah melalui Al-Quran dan Hadis. Hashim Awang (2002) menjelaskan bahawa pendekatan Islam adalah sifat yang menggambarkan tanda keagungan dan kekuasaan Allah SWT. Setiap pembentukan adalah berteraskan tujuan untuk memperlihatkan sifat-sifat keagungan-Nya dan bertakwa kepada Allah SWT. Pengkaedahan Islam ini mempunyai tiga nilai utama sastera Islam yang merujuk kepada keagungan Allah, moral dan estetika. Antara pendekatan di bawah pengkaedahan Islam ialah pendekatan seni, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini kerana nilai ketaatan dan pengkaedahan Islam sangat dekat dengan kehidupan masyarakat, sekali gus menjadikan cerita rakyat sebagai medium yang berkesan untuk menanam disiplin dan keharmonian.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Melalui tatapan pemerhatian awal, kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa sorotan kajian lepas yang turut meneliti secara khusus tentang pembentukan nilai ketaatan. Antara kajian lepas yang mengkaji nilai ketaatan ialah Norazimah Zakaria (2016) yang bertajuk *Konsep Taat Setia Sebagai Petunjuk Masa Depan melalui Karya Agung Sebagai Model Jati Diri Bangsa Melayu*. Kajian ini mengisahkan Hikayat Hang Tuah merupakan karya agung epik Melayu. Wira dalam epik ini menjadi lambang bangsanya dengan cita-cita dan perjuangan yang mencerminkan kebesaran serta kekuasaan negeri Melaka. Oleh itu, objektif kajian mengenal pasti nilai taat setia di dalam Hikayat Hang Tuah dan kedua menghuraikan unsur taat setia yang berkaitan dengan jati diri bangsa Melayu. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis teks. Kajian ini juga menggunakan pendekatan V.I. Baginsky yang menekankan sfera faedah. Pendekatan ini menilai watak Hang Tuah sebagai tokoh yang berpegang kepada konsep taat setia dan mencerminkan masyarakat Melayu tradisi. Hasil dapatan Hasil kajian mendapati bahawa Hikayat Hang Tuah menonjolkan nilai taat setia melalui watak Hang Tuah yang mencerminkan jati diri dan kesetiaan bangsa Melayu tradisi terhadap pemimpin dan negara. Hang Tuah sebagai wira legenda melambangkan kebesaran dan keperkasaan Melaka serta memberikan teladan moral dan budaya kepada generasi kini.

Seterusnya, menurut sarjana Mohd Rofaizal Ibrahim & Mohd Kamarul Khaidzir Bin Saadan (2018) juga meneliti *Ketaatan Kepada Ibu Bapa Dalam Isu Politik*. Kajian ini membincangkan perbezaan hala tuju politik antara anak dan ibu bapa yang menyebabkan berlakunya percanggahan pandangan dalam kalangan mereka dalam hal politik. Kajian ini juga mengkaji pandangan Syara' tentang batas ketaatan anak kepada ibu bapa serta ruang perbezaan pandangan yang dibenarkan. Selain itu, objektif kajian ini adalah dengan menilai sejauh mana kewajipan anak mentaati ibu bapa dalam perbezaan pandangan politik dan mengenal pasti ruang yang dibenarkan oleh syarak untuk anak berbeza pandangan dengan ibu bapa. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berpaksikan kaedahan kepustakaan. Oleh itu, hasil kajian menunjukkan bahawa perbezaan aliran politik menimbulkan permasalahan syarak yang serius serta pelbagai kecaman. Ketaatan kepada ibu bapa pula tertakluk kepada prinsip tidak memudaratkan, dan anak dibenarkan berbeza pandangan dalam keadaan tertentu.

Kajian bertajuk *Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan* hasil buah fikir sarjana Nurul Nasuha Binti Mohd Rosle dan Zubir Bin Idris (2018) meneliti naskhah klasik *Hikayat Nabi Adam* menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu pelopor Hashim Awang. Analisis ini ditumpukan khusus kepada Pengkaedahan Keagamaan yang merangkumi tiga paksi utama iaitu Pendekatan Dakwah, Kemasyarakatan, dan Seni, di mana kajian ini memilih Pendekatan Dakwah sebagai teras untuk membongkar nilai Islam serta sejarah asal-usul Nabi Adam AS bersandarkan Al-Quran dan Hadis demi memancarkan keagungan syiar Islam. Melalui kaedah kepustakaan yang membawa pengkaji meneroka khazanah ilmiah seperti jurnal, buku, dan tesis di Perpustakaan Tun Sri Lanang serta Perpustakaan Negara Malaysia, kajian ini akhirnya merumuskan bahawa teks *Hikayat Nabi Adam* sarat dengan gambaran kekuasaan Allah S.W.T yang menonjolkan hakikat bahawa penciptaan alam semesta dan kewujudan manusia adalah atas kehendak-Nya yang mutlak. Pada masa yang sama, penerapan unsur dakwah ini membuktikan bahawa sastera Islam bertindak sebagai wadah suci yang indah untuk mengetuk pintu hati pembaca, meningkatkan ketakwaan, serta mendekatkan diri mereka kepada Pencipta melalui kehebatan agama Islam itu sendiri.

Seiring dengan itu, kajian lepas oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) yang bertajuk *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitan Kemasyarakatan* menjelaskan bahawa naratif lisan berfungsi sebagai wadah pendidikan awal kanak-kanak untuk menyampaikan pengajaran tentang adat resam, kebudayaan, serta pantang larang masyarakat Melayu. Cerita rakyat ini turut memancarkan konsep akal budi yang menggambarkan pemikiran rasional dan kewarasan individu melalui tingkah laku mereka. Kajian kualitatif ini bertujuan untuk meneroka serta menganalisis aspek akal budi dalam naratif lisan di Kota Bharu dengan menerapkan pendekatan kemasyarakatan di bawah acuan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai landasan deduktif. Melalui gabungan kaedah kepustakaan, rujukan lapangan, dan temu bual bersama responden, hasil kajian membuktikan bahawa naratif lisan tersebut sarat dengan nilai akal budi seperti sikap rasional, keberanian menegakkan kebenaran, kecekalan daya usaha, dan ketulusan keikhlasan. Segala nilai murni ini bukan sahaja mencerminkan keperibadian luhur masyarakat setempat, malah kekal subur dan diamalkan dalam kehidupan mereka sehingga kini.

Kembara keilmuan dalam menelusuri keindahan Teori Pengkaedahan Melayu diteruskan lagi menerusi sorotan tajam oleh Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020) dalam makalah mereka yang bertajuk *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan*. Kajian ini menyingkap lembaran bait-bait syair klasik yang sarat dengan denyut nadi spiritual dan keagungan nilai Islam. Di tengah samudera sastera tradisi, kajian ini belayar dengan cita-cita suci untuk mengenal pasti serta merungkai mutiara-mutiara tersirat dalam *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah*. Fokusnya dipaksikan secara khusus pada anyaman unsur dakwah yang melatari liku-liku perjalanan rohani sang musafir. Demi memastikan analisis yang digali tidak hanyut dibuai angin lalu, sauh penyelidikan ini dilabuhkan secara mendalam di bawah teduhan Pengkaedahan Keagamaan (Teori Pengkaedahan Melayu). Kajian yang bersandarkan penelitian teks iniengehadkan ruang lingkupnya secara terfokus pada sempadan teks *Syair Suka Duka* dan aplikasi konsep keagamaan demi ketepatan hujah yang jitu. Secara tidak langsung, keberhasilan kajian ini dapat menyebarkan unsur dakwah dan kefahaman tentang Islam kepada masyarakat dan pada masa yang sama dapat menggambarkan keagungan Allah SWT.

Di samping itu, sarjana Mohd Firdaus Che Yaacob, Suritati Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Shahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari & Nasirin Abdillah (2022) bertajuk *Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan dalam Cerita Rakyat Melayu di Kelantan*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menyangkal tanggapan masyarakat bahawa cerita rakyat hanyalah bersifat ilusi semata-mata atau sekadar hiburan kosong yang tidak mengandungi nilai murni sebagai pedoman kehidupan. Sehubungan dengan itu, kajian ini menetapkan objektif untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai murni baik hati berdasarkan

keunikan dialek Kelantan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan. Dari segi metodologi, penyelidikan ini menerapkan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan serta temu bual, dengan disokong oleh Teori Pengkaedahan Melayu bagi memperkukuh asas analisisnya. Hasil kajian membuktikan bahawa keunikan dialek Kelantan dalam cerita rakyat ini bukan sahaja menonjolkan keistimewaan aspek linguistik, malah turut mencerminkan ketinggian ketamadunan masyarakat silam menerusi penerapan nilai murni yang diwarisi dari generasi ke generasi.

Dapatan tersebut selari dengan kajian yang dijalankan oleh Muhd Norizam Jamian, Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin, dan Aulia Sari Torodji (2023) bertajuk *Imej Isteri Misali dalam Hikayat Melayu-Islam: Penerapan Metode Dakwah melalui Teori Pengkaedahan Melayu* turut memperincikan pembentukan citra isteri mithali sebagai tiang seri dalam mewujudkan potret keluarga yang bahagia. Kajian kualitatif yang digerakkan melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks ini bertujuan membongkar bagaimana imej isteri mithali berfungsi sebagai satu metode dakwah yang halus, dengan membedah dua naskhah klasik berunsur Islam iaitu *Hikayat Darmata'siah* (1989) dan *Hikayat Perempuan Bernama Latifah* (2017). Berpaksikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi memperkukuh tiang analisisnya, hasil kajian dengan nyata membuktikan bahawa kedua-dua naskhah tersebut berjaya menterjemahkan nilai mulia seorang isteri yang digariskan oleh syariat Islam. Ciri-ciri utama seperti pegangan agama yang utuh, kesetiaan yang tidak berbelah bahagi, serta ketaatan dalam melayani suami selayaknya seorang raja, digambarkan bukan sahaja indah sebagai warisan sastera purba, malah tetap utuh dan relevan untuk dijadikan kompas serta panduan buat wanita moden pada hari ini.

Kajian terdahulu oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Rohaya Md Ali & Nazilah Mohamad (2025) menerusi artikel bertajuk *Recovering Ancestral Wisdom: The Role of Folklore in Teaching Human Rights and Social Justice* telah meneliti peranan naratif lisan sebagai instrumen didaktik dalam membentuk moral masyarakat. Kajian lapangan yang dijalankan di daerah Rantau Panjang, Kelantan ini memfokuskan kepada siri cerita rakyat tempatan seperti *Asal Usul Mek Pik, Tok Bidan Mek Pik, Mek Pik dan Buaya Putih, Timbulnya Buaya Putih*, dan *Amukan Buaya Putih*. Dengan mengaplikasikan Pendekatan Dakwah di bawah kerangka Teori Pengkaedahan Melayu, mereka membedah bagaimana teks sastera lisan tradisional berfungsi sebagai wadah untuk menyampaikan mesej hak asasi manusia, keadilan sosial, dan kearifan warisan. Dapatan kajian mereka yang turut melibatkan penilaian kefahaman pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerusi platform Quizizz membuktikan bahawa pemikiran yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu sangat berkesan untuk mendidik generasi muda mengenai identiti budaya dan nilai integriti yang selari dengan tuntutan murni masyarakat.

Natijahnya, sorotan literatur terdahulu telah memperincikan aspek ketaatan, cerita rakyat Melayu dan pengkaedahan keagamaan. Walau bagaimanapun, intipati kajian-kajian tersebut lebih tertumpu kepada konsep ketaatan dalam konteks Islam secara umum. Melalui penelitian ini, pengkaji mendapati bahawa masih wujud kelonggaran dalam meneroka nilai ketaatan yang khusus dalam naratif cerita rakyat Melayu. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi memartabatkan semula nilai tersebut agar kekal relevan dan berfungsi sebagai panduan hidup masyarakat kontemporari.

METODOLOGI KAJIAN

Dari aspek metodologi, kajian ini menerapkan reka bentuk kualitatif dengan menggabungkan kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mengumpul serta meneliti maklumat secara mendalam berkaitan nilai ketaatan melalui pelbagai bahan ilmiah seperti buku, artikel jurnal, tesis dan sumber internet sah yang diperoleh di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Seterusnya, kaedah analisis teks dilaksanakan ke atas buku bertajuk *101 Puteri Dunia Melayu: Sejarah*

dan *Legenda*, yang diterbitkan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti serta dicetak pada tahun 2003 oleh Karya MBH Sdn. Bhd. Bagi mendapatkan analisis data yang jelas dan sistematik, pengkaji membataskan penelitian kepada empat buah cerita rakyat dalam naskah tersebut, iaitu kisah *Puteri Saadong*, *Puteri Umbuk Mayang*, *Mahsuri* dan *Cik Siti Wan Kembang* yang memaparkan watak dengan cerminan nilai ketaatan yang tinggi.

Kajian ini turut mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu khususnya menerusi Pendekatan Islam. Hal ini demikian kerana Pendekatan Islam berkait rapat dengan nilai ketaatan yang menjadi tunjang dalam kehidupan masyarakat Melayu. Dalam konteks ini, analisis nilai ketaatan diselaraskan dengan dalil naqli daripada al-Quran, antaranya firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa' (4:59):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri (pemimpin) di antara kamu."

TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Teori Pengkaedahan Melayu secara rasminya telah digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun (1989) sebagai sebuah alternatif kritikan sastera tempatan yang bersandarkan acuan budaya tempatan. Teori ini menterjemahkan cara hidup masyarakat Melayu yang menolak dualisme sekular, sebaliknya meletakkan adat resam serta sistem kepercayaan sebagai tunjang eksistensi kehidupan. Menerusi evolusi penulisan beliau yang dibukukan secara rasmi pada tahun (1993), Hashim Awang menggariskan dua kategori utama, iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Sejajar dengan fokus penyelidikan, kajian ini memanfaatkan aspek Pengkaedahan Keagamaan (Islam) dengan bersandarkan rujukan teks konseptual beliau pada edisi cetakan (2002). Pengkaedahan Keagamaan (Islam) ini berdiri teguh di atas paksi keimanan yang berpaksikan akidah tauhid, di mana al-Quran dan hadis diangkat sebagai sumber epistemologi yang paling agung. Seterusnya, Hashim Awang (2002) memperincikan bahawa falsafah utama pengkaedahan ini adalah untuk memanifestasikan tanda keagungan, kebesaran, dan kekuasaan Allah SWT. Hal ini membawa erti bahawa segenap penciptaan karya sastera mestilah berteraskan matlamat luhur, iaitu untuk memperlihatkan sifat-sifat keagungan-Nya demi mendidik khalayak ke arah darjah ketakwaan yang tinggi. Di bawah kanta Pengkaedahan Keagamaan ini, sastera dinilai menerusi tiga paksi nilai yang syumul, iaitu nilai keagungan Allah, nilai moral (akhlak), dan nilai estetika (keindahan seni). Ketiga-tiga nilai utama tersebut dijewantahkan secara praktikal menerusi tiga instrumen khusus, iaitu Pendekatan Seni, Pendekatan Dakwah dan Pendekatan Kemasyarakatan.

Seterusnya, pengkaedahan Islam berkait rapat dengan nilai ketaatan yang ditonjolkan dalam kajian ini. Bahkan, teori ini turut menjelaskan pembentukan nilai ketaatan melalui hubungan manusia dengan agama, masyarakat dan alam. Perkara ini bertepatan dengan pendekatan pengkaedahan Islam yang menekankan kepatuhan kepada ajaran agama sebagai asas kehidupan masyarakat Melayu. Melalui pendekatan ini, nilai ketaatan dapat dilihat sebagai cerminan akal budi dan pemikiran masyarakat Melayu yang berlandaskan keimanan kepada Tuhan. Nilai ketaatan yang diketengahkan juga membawa perutusan yang penting dalam kesusasteraan Melayu kerana setiap tindakan watak digambarkan berpandukan ajaran agama serta nilai kebenaran yang menjadi pegangan masyarakat.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan menganalisis konstruksi nilai ketaatan yang dipaparkan melalui watak wanita dalam cerita rakyat yang terkandung dalam naskhah yang bertajuk *101 Puteri Dunia Melayu: Sejarah dan Legenda*. Analisis ini dilakukan berdasarkan pendekatan pengkaedahan Islam dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Antara nilai ketaatan yang ditonjolkan ialah ketaatan kepada ibu bapa, ketaatan kepada suami, ketaatan rakyat kepada pemerintah dan ketaatan kepada agama.

Ketaatan kepada Ibu Bapa

Dalam konteks epistemologi akhlak dan sastera, ketaatan kepada ibu bapa membawa maksud kepatuhan, penghormatan, dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi oleh seorang anak terhadap bapa dan ibu kandung mereka. Ketaatan ini merangkumi tindakan menuruti segala perintah dan nasihat mereka, menjaga kebajikan mereka, serta melayani mereka dengan penuh ihsan dan lemah lembut selagi mana arahan tersebut tidak bercanggah dengan syariat. Meneliti takrifan daripada tokoh ilmuwan Islam terkemuka, Imam al-Ghazali (1997) menerusi kitab agungnya, *Ihya' Ulum al-Din*, menjelaskan bahawa berbakti dan taat kepada ibu bapa merupakan satu kewajipan yang sangat dituntut selepas ketaatan kepada Allah SWT. Hal ini kerana taat kepada ibu bapa dapat membentuk insan yang berakhlak mulia serta memberi kebaikan kepada keluarga dan masyarakat. Kenyataan ini disokong A'dawiyah Ismail & Siti Najihah Mansor (2021) didikan agama yang sempurna melahirkan anak yang taat kepada ibu bapa serta bermanfaat kepada masyarakat dan agama. Oleh itu, nilai ketaatan ibu bapa ini dapat dilihat pada cerita rakyat Melayu *Puteri Sa'adong*. Nilai ini mampu dilihat pada petikan di bawah:

“Akhirnya, Puteri Sa'adong terpaksa bersetuju setelah difahamkan oleh bondanya bahawa perkahwinannya itu juga suatu pengorbanan demi memelihara kesejahteraan bangsa dan negeri Kelantan daripada gangguan dan serangan musuh terutamanya Siam.”

(Nisriwani Yahaya dan Syed Zulfida S.M. Noor, 2003:281)

Petikan di atas memanifestasikan nilai ketaatan *Puteri Sa'adong* kepada bondanya, sekali gus menjadi lambang kepatuhan dan penghormatan mutlak seorang anak terhadap ibu sebagai figura pelindung dan pembimbing utama. *Puteri Sa'adong* akhirnya akur untuk menerima perkahwinan tersebut selepas diberikan pencerahan oleh bondanya bahawa keputusan berkenaan merupakan satu bentuk pengorbanan yang signifikan demi memelihara maslahat umum, iaitu menjaga keselamatan bangsa dan kedaulatan negeri Kelantan daripada ancaman musuh, terutamanya Siam. Dalam konteks ini, *Puteri Sa'adong* membuktikan kebersihan jiwanya sebagai seorang anak dengan mendengar nasihat ibunya dengan hati yang terbuka serta meneliti hikmah tersirat di sebalik ketetapan tersebut. Beliau menzahirkan sikap patuh dengan mendepani konflik dalaman dan menerima keputusan yang sarat dengan pengorbanan peribadi yang besar demi memenuhi tanggungjawab yang lebih luas terhadap institusi kekeluargaan, bangsa, dan tanah air. Tindakan *Puteri Sa'adong* ini secara tidak langsung membuktikan bahawa nilai ketaatan kepada ibu melampaui batas kepentingan individualistik. Sebaliknya, mencerminkan pengiktirafan yang tinggi terhadap kebijaksanaan seorang ibu yang meletakkan kesejahteraan masyarakat sebagai keutamaan. Akibatnya, naratif ini berjaya menonjolkan keakraban hubungan interpersonal antara ibu dan anak, di mana ibu bertindak sebagai tiang bimbingan yang berwibawa, manakala anak memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi berlandaskan keyakinan terhadap kewibawaan ibu tersebut.

Seterusnya, manifestasi nilai ketaatan kepada ibu bapa turut dizahirkan secara jelas dalam cerita rakyat Melayu *Puteri Umbuk Mayang*. Nilai kepatuhan dan penghormatan mutlak seorang anak terhadap keputusan serta bimbingan orang tua ini dapat dikesan menerusi petikan teks di bawah:

“Maharaja Dewa Indera Kayangan pada mulanya agak keberatan memperkenankan hajat puteri-puterinya tetapi akhirnya mengalah apabila mereka merayu berulang-kali. Syaratnya, kesemua tujuh puteri mesti pulang segera ke istana kayangan.”

(Nisriwani Yahaya dan Syed Zulfida S.M. Noor, 2003:456)

Petikan di atas memperlihatkan manifestasi nilai ketaatan kepada ibu bapa apabila *puteri-puteri* tersebut akur dengan syarat yang telah ditetapkan oleh ayahanda mereka, *Maharaja Dewa Indera Kayangan*. Walaupun pada peringkat awal baginda berasa agak keberatan untuk memperkenankan permintaan tersebut, *puteri-puteri* tetap menzahirkan rasa hormat yang tinggi melalui tindakan merayu secara beradab dan santun tanpa menunjukkan sebarang bantahan yang kasar terhadap keputusan bapa mereka. Setelah permintaan mereka dipersetujui dengan bersyarat, mereka menerima ketetapan tersebut dengan penuh rasa tanggungjawab untuk mematuhi. Situasi ini menunjukkan bahawa anak yang taat bukan sahaja mendengar kata ibu bapa, malah menghormati setiap keputusan yang dibuat demi kebaikan bersama. Ketaatan tersebut juga menggambarkan sikap patuh berdisiplin serta bentuk kepercayaan yang mendalam terhadap kebijaksanaan ibu bapa dalam menentukan sesuatu perkara. Hal ini terjadi kerana anak-anak mengiktiraf bahawa orang tua mempunyai pengalaman hidup dan pertimbangan yang jauh lebih matang dalam membuat keputusan.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam konteks ini digerakkan secara substantif menerusi Pendekatan Dakwah oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan ini meletakkan nilai keimanan, ketakwaan, serta ketaatan kepada ibu bapa, pemimpin, dan masyarakat pada paksi yang syumul bersendikan ajaran Islam. Dalam epistemologi Islam, ketaatan tidak sekadar dilihat sebagai kepatuhan sosial yang pasif, sebaliknya merupakan satu taklifan (tanggungjawab) agama dan ibadah yang suci selagi mana perkara tersebut tidak bertentangan dengan prinsip syariat. Sebagai manifestasi, hal ini dapat diteliti dalam naratif *Puteri Sa'adong*, di mana baginda akur menerima keputusan bondanya untuk berkahwin demi memelihara kemaslahatan dan keselamatan negeri Kelantan daripada ancaman musuh, meskipun pada peringkat awal hatinya sarat dengan keberatan. Seterusnya, dalam cerita *Puteri Umbuk Mayang*, ketetapan jiwa yang sama dipamerkan apabila puteri-puteri tersebut tetap patuh terhadap syarat yang digariskan oleh *Maharaja Dewa Indera Kayangan* sebagai bukti penyerahan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada figur seorang bapa. Susulan daripada itu, dapat dirumuskan bahawa ketaatan kepada ibu bapa merupakan rukun tuntutan agama yang fundamental selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam, sekali gus bertindak sebagai instrumen utama dalam membentuk sahsiah yang terpuji dan melestarikan keharmonian dalam ekosistem masyarakat.

Secara amnya, ibu bapa yang berjaya memimpin langkah anak-anak menuju gerbang kejayaan merupakan golongan yang cemerlang dalam mempraktikkan kemahiran keibubapaan. Seterusnya, menurut Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Amal Hayati Ishak dan Fatin Nabilah Abd Wahid (2025), ketaatan anak kepada ibu bapa merupakan prinsip penting dalam Islam berasaskan al-Quran dan sunah, yang berupaya mengekalkan hubungan kekeluargaan yang harmoni serta berakhlak mulia. Keadaan ini didorong oleh peranan ibu bapa sebagai pemimpin keluarga yang menjadi suri teladan (*role model*) utama kepada anak-

anak. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa ketaatan anak kepada ibu bapa amat krusial dalam membentuk sahsiah yang terpuji sekali gus menjamin keharmonian sesebuah institusi kekeluargaan.

Ketaatan Kepada Suami

Nilai ketaatan kepada suami mencerminkan sikap isteri yang patuh dan hormat terhadap pasangannya dalam perkara yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa ketaatan tersebut menjadi tunjang utama dalam mewujudkan sebuah rumah tangga yang harmoni dan bahagia. Ketaatan ini merupakan kewajipan serta tanggungjawab hakiki seorang isteri yang mesti dilaksanakan selagi mana arahan tersebut tidak bercanggah dengan syariat dan akhlak Islam (Azhar Muhammad & Kamarul Azmi, 2004). Seterusnya, ketaatan isteri kepada suami sangat signifikan dalam membentuk keluarga yang utuh memandangkan suami bertindak sebagai pemimpin rumah tangga, manakala isteri bertanggungjawab menghormati serta menyokong kepimpinan tersebut berlandaskan lunas-lunas agama (Tri Widia Wati & Naila Khalidah, 2025). Oleh itu, manifestasi nilai ketaatan kepada suami ini dapat diteliti secara mendalam menerusi cerita rakyat Melayu *Puteri Sa'adong*, seperti yang digambarkan dalam petikan di bawah:

“Puteri Sa'adong berjanji kepada Raja Abdullah akan tetap memelihara kesucian dirinya dan memohon suaminya agar sabar menunggu kepulangannya ke Kota Mahligai.”

(Nisriwani Yahaya dan Syed Zulfida S. M. Noor, 2003: 282)

Berdasarkan fragmen tekstual tersebut, nilai ketaatan *Puteri Sa'adong* kepada suaminya, *Raja Abdullah*, dalam mendepani situasi yang penuh dengan konflik dan cabaran. Komitmen *Puteri Sa'adong* untuk memelihara kesucian dirinya walaupun terpaksa terpisah dan berada dalam lingkungan yang tidak menentu membuktikan keikhlasan beliau dalam memastikan kepercayaan suaminya tidak dikhianati. Tindakan menjaga kehormatan ini bukan sekadar lambang kesetiaan mutlak terhadap institusi perkahwinan, malah merupakan satu usaha proaktif bagi mempertahankan maruah diri yang secara tidak langsung memberikan impak besar terhadap nama baik keluarga serta keturunannya. Seterusnya, permohonan *Puteri Sa'adong* agar *Raja Abdullah* bersabar menunggu kepulangannya ke Kota Mahligai mencerminkan keprihatinan emosi dan psikologi yang tinggi terhadap pasangannya. Inisiatif tersebut bertujuan untuk menguatkan semangat serta mengekalkan kepercayaan dalam hubungan mereka tegar menghadapi ujian. Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa nilai ketaatan seorang isteri dizahirkan melalui keupayaan menjaga amanah perkahwinan, menghormati perjanjian suci dan mempertahankan keharmonian hubungan domestik walaupun badai ujian melanda.

Selain itu, nilai ketaatan kepada suami dapat dilihat dalam cerita rakyat *Mahsuri*. Nilai ketaatan diterangkan seperti petikan di bawah:

“Wan Darus sempat berpesan agar sepeninggalannya mahsuri memelihara diri dan anak yang bakal dilahirkan itu sebaik-baiknya. Dia berjanji akan pulanh segera setelah selesai tugasnya. Mahsuri merelakan pemergian suaminya dan berdoa semoga allah melindungi suaminya.”

(Nisriwani Yahaya dan Syed Zulfida S. M. Noor, 2003: 272)

Petikan di atas, nilai ketaatan *Mahsuri* terhadap suaminya, *Wan Darus*, terutamanya dalam aspek menggalas tanggungjawab domestik dan rumah tangga sewaktu ketiadaan pasangan. *Mahsuri* menerima pemergian suaminya dengan hati yang reda dan memberikan kepercayaan sepenuhnya terhadap tugas luar yang perlu dilaksanakan oleh *Wan Darus*. Sikap berlapang dada ini membuktikan bahawa beliau mematuhi pesanan dan arahan suaminya dengan penuh keikhlasan demi menjaga kestabilan keluarga kecil mereka. Seterusnya, tindakan *Mahsuri* yang menitipkan doa ke hadrat Ilahi agar melindungi keselamatan suaminya mencerminkan bentuk sokongan moral dan emosi yang tidak berbelah bahagi walaupun jasad mereka terpisah oleh jarak. Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa nilai ketaatan *Mahsuri* terpancar secara utuh menerusi kesanggupan menunaikan wasiat suami, bersikap sabar, tawakal, serta memelihara kesetiaan demi mengekalkan keutuhan maruah rumah tangga mereka.

Sehubungan dengan itu, kajian ini memanfaatkan Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang. Secara khususnya, kajian ini mengaplikasikan Pengkaedahan Keagamaan menerusi Pendekatan Dakwah (2002). Tradisi pendekatan ini berfungsi sebagai wahana untuk mendedahkan keindahan, kemurnian, dan kelebihan syiar Islam, sekali gus menghasilkan daya tarikan estetik sastera yang bersendikan ajaran tauhid dan nilai-nilai rabbani. Seterusnya, dalam kerangka teori ini, pengintegrasian Pendekatan Dakwah bagi mengupas nilai ketaatan *Puteri Sa'adong* dan *Mahsuri* terhadap suami didapati berakar umbi daripada paksi kepatuhan isteri (*qanitah*) demi menggapai keredaan Allah SWT (*mardhatillah*), yang kemudiannya diadun bersama sistem nilai tradisional masyarakat Melayu budiman. Kenyataan ini memberikan indikasi yang kukuh bahawa naratif cerita rakyat ini bukanlah sekadar wadah hiburan sekular, sebaliknya bertindak sebagai instrumen didaktik (didikan) dan manhaj dakwah yang sangat efektif dalam mentarbiah masyarakat mengenai falsafah pembinaan keluarga sakinah, mawaddah, warahmah berpandukan lunas syariat Islam.

Nilai ketaatan kepada suami mencerminkan sikap isteri yang menghormati dan mematuhi pasangan, menunaikan tanggungjawab dengan penuh keikhlasan, bersabar serta memelihara keharmonian rumah tangga selaras dengan syariah dan akhlak Islam. Selain itu, kewajipan utama bagi wanita adalah mentaati suami dalam semua urusan keluarga, kecuali pada perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Perspektif ini menegaskan bahawa layanan cemerlang isteri terhadap suami merupakan suatu hak dan tanggungjawab yang wajib dilaksanakan oleh wanita yang telah mendirikan bahtera rumah tangga. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penerapan nilai ketaatan kepada suami secara konsisten bukan sahaja dapat menjamin keharmonian rumah tangga dan mengukuhkan ikatan kasih sayang antara pasangan, malah bertindak sebagai pemangkin utama dalam membina sebuah keluarga yang sejahtera serta berpandukan acuan ajaran Islam.

Ketaatan Rakyat Kepada Pemerintah

Rakyat dan pemerintah merupakan dua entiti fundamental yang saling melengkapi dalam menggerakkan agenda pembangunan sesebuah tamadun. Dalam acuan pemikiran Islam, ketaatan kepada pemimpin, raja, mahupun sultan hanyalah diwajibkan dalam perkara yang membawa kemaslahatan serta selaras dengan lunas ketaatan kepada Allah SWT, manakala kepatuhan tersebut secara mutlaknya gugur sekiranya melibatkan perkara kemaksiatan (al-Zuhayli, 2003). Hal ini kerana pemerintah bertindak sebagai payung pelindung bagi sesebuah negara serta bertanggungjawab memastikan kestabilan landskap sosial sentiasa berada dalam keadaan aman dan harmoni. Kenyataan ini disokong oleh Ilyas Abdullah dan Mohammad Tawfik bin Yaakub (2021) yang menjelaskan bahawa masyarakat Melayu tradisional menumpahkan taat setia yang tinggi kepada pemerintah atas doktrin menghormati institusi tersebut sebagai institusi pelindung. Seterusnya, ketaatan kepada pemerintah merupakan rukun perintah agama yang memberikan impak langsung kepada peningkatan kestabilan politik sesebuah negara (Asep Saepudin, 2024). Hal ini jelaslah

menunjukkan bahawa manifestasi nilai ketaatan rakyat kepada pemerintah ini terpancar secara signifikan menerusi cerita rakyat Melayu *Cik Siti Wan Kembang*, seumpama yang diperincikan dalam petikan di bawah:

“Justeru itu, baginda mengambil keputusan untuk memindahkan tempat semayam baginda dari Gunung Cinta Wangsa ke suatu tempat baru pilihan baginda di Cerang Tegayung Sebuah kota baru yang lengkap dengan istana dan balai penghadapan dibangunkan secara gotong-royong oleh para hulubalang dan rakyat jelata.”

(Nisriwani Yahaya dan Syed Zulfida S.M. Noor, 2003: 70)

Berdasarkan petikan di atas, segenap lapisan rakyat jelata dan hulubalang di bawah naungan *Cik Siti Wan Kembang* memanifestasikan nilai ketaatan yang tinggi terhadap institusi pemerintah. Komitmen dan kesetiaan tersebut diterjemahkan secara praktikal menerusi tindakan mereka bekerjasama membangunkan kota baharu secara bergotong-royong tanpa sebarang paksaan atau penentangan. Keadaan ini berlaku kerana rakyat mempunyai kesedaran kolektif serta kefahaman yang mendalam bahawa penempatan baharu tersebut dibina demi maslahat bersama, keselamatan negara, dan kelangsungan kestabilan pemerintahan. Penglibatan bersepadu antara golongan hulubalang dan rakyat jelata dalam gerak kerja fizikal ini mencerminkan semangat kebersamaan yang utuh, sekali gus mempamerkan kepercayaan mutlak terhadap kredibiliti kepimpinan *Cik Siti Wan Kembang*. Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa ketaatan rakyat kepada pemerintah bertindak sebagai asas fundamental dalam menjamin keharmonian sesebuah negara. Melalui kesanggupan membina istana dan balai penghadapan di Cerang Tegayung, mereka bukan sahaja mematuhi keputusan pemerintah, malah membuktikan bahawa taat setia yang dizahirkan berasaskan kesukarelaan demi mempertahankan kedaulatan tanah air.

Di samping itu, nilai ketaatan rakyat kepada pemerintah dapat dilihat pada cerita rakyat Melayu *Puteri Sa'adong*. Nilai ini akan dijelaskan pada petikan di bawah:

“Rakyat Kota Jelasin yang taat setia dan rela berkorban keluar beramai-ramai, baik lelaki mahupun perempuan, berjuang mempertahankan tanah air serta melindungi Puteri Sa'adong yang amat mereka kasihi.”

(Nisriwani Yahaya dan Syed Zulfida S.M. Noor, 2003: 281)

Petikan di atas memanifestasikan nilai ketaatan dan kesetiaan mutlak yang ditumpahkan oleh segenap lapisan rakyat Kota Jelasin terhadap kepimpinan *Puteri Sa'adong*. Kesetiaan ini tidak sekadar diterjemahkan melalui kepatuhan pasif terhadap arahan, malah dibuktikan secara praktikal menerusi kesediaan serta kerelaan mereka untuk berkorban nyawa demi mempertahankan kedaulatan negeri dan keselamatan pemimpin. Situasi ini menggambarkan bahawa ketaatan subjek terhadap pemerintah bertumpu kepada keyakinan mendalam terhadap keadilan serta kebijaksanaan figur kepimpinan yang memayungi mereka. Tambahan pula, komitmen yang ditunjukkan oleh golongan lelaki mahupun perempuan ini menonjolkan semangat patriotisme yang tinggi dan penyatuan saf yang utuh dalam mendepani ancaman luar. Perjuangan berdarah mereka bukan sahaja digerakkan oleh tanggungjawab mempertahankan tanah air, malah bertindak sebagai refleksi rasa kasih, cinta, dan hormat yang mendalam terhadap *Puteri Sa'adong* yang diposisikan sebagai figura pelindung. Manifestasi ini membuktikan secara

tuntas bahawa ketaatan rakyat terserlah melalui keberanian spiritual dan fizikal yang tidak berbelah bahagi, di mana sikap rela berkorban tersebut menjadi bukti paling ampuh kepada keutuhan legitimasi kepimpinan *Puteri Sa'adong*.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam konteks ini digerakkan secara substantif menerusi Pendekatan Kemasyarakatan yang berteraskan prinsip kemaslahatan ummah dalam Islam. Pendekatan kemasyarakatan ini bukan sekadar instrumen sastera, melainkan wahana kritikal dalam menyingkap segenap persoalan sosial demi menegakkan keadilan (*al-'Adlah*) dan menyebarkan kebaikan (*al-Ma'ruf*) dalam struktur komuniti. Menurut Hashim Awang (1994), Pendekatan Kemasyarakatan memberikan eksplanasi yang tuntas mengenai dinamika sosial, ekonomi, politik, dan sistem syariah yang mengikat kehidupan manusia. Dalam acuan pemikiran Islam, konsep ini mencerminkan hubungan organik yang syumul antara pemimpin selaku pemegang amanah Allah (*ulil amri*) dengan rakyat di bawah naungannya, sekali gus menjadi tiang seri kepada kestabilan sosiopolitik sesebuah wilayah. Hakikat ini terpancar nyata menerusi kronologi pemerintahan *Cik Siti Wan Kembang* dan *Puteri Sa'adong*, di mana kesanggupan rakyat bersatu padu dan menumpahkan taat setia didorong oleh kesedaran spiritual untuk memelihara kedamaian tanah air Islam (*difa' al-watan*) serta mengelakkan perpecahan (*fitnah*). Selari dengan premis Teori Pengkaedahan Melayu, Pendekatan Kemasyarakatan menegaskan bahawa perpaduan yang diikat oleh tali akidah, kepercayaan kolektif, dan ketaatan yang makruf kepada pemimpin merupakan paksi utama dalam menjamin keredaan Allah SWT dan kesejahteraan sejagat. Manifestasi ini membuktikan secara tuntas bahawa jalinan erat antara pemerintah dengan subjek (rakyat) yang bersendikan syariat Islam merupakan kunci mutlak kepada kelestarian, kestabilan, serta keharmonian sesebuah peradaban negeri.

Di samping itu, dalam kerangka Islam, rakyat dituntut untuk mentaati pemerintah selagi mana pemimpin tersebut melaksanakan amanah kepimpinan berlandaskan syariat Islam dan prinsip kebenaran. Oleh itu, seseorang pemimpin yang memegang amanah hendaklah memiliki ciri-ciri kepimpinan yang ideal seperti adil, bijaksana dan amanah (*al-Amīn*), kerana sifat-sifat *mahmudah* ini menjadi tunjang utama dalam menegakkan keadilan (*al-'Adālah*) serta membina kepercayaan rakyat terhadap pemerintah. Selaras dengan pandangan Jelani Harun (2004), seorang pemerintah memikul taklifan yang besar untuk melaksanakan pemerintahan secara adil bagi menjamin keamanan, kestabilan dan keharmonian sesebuah watan. Selain itu, hubungan antara pemimpin dengan rakyat bersifat saling melengkapi dan saling bergantung antara satu sama lain dalam merealisasikan kesejahteraan ummah. Oleh yang demikian, konsep ketaatan dalam Islam hendaklah difahami sebagai suatu keseimbangan antara kewajipan mentaati pemimpin yang memerintah secara makruf dengan tanggungjawab rakyat untuk melaksanakan *amar ma'ruf nahi munkar* dalam menegakkan kebenaran dan memelihara keadilan sosial.

Ketaatan Kepada Agama

Ketaatan kepada agama merujuk kepada manifestasi kepatuhan terhadap segala syiar, perintah, dan larangan yang telah digariskan oleh syarak dengan penuh keikhlasan. Cakupan ketaatan ini bersifat syumul kerana merangkumi dimensi akidah, ibadah, akhlak, dan syariah yang berkait rapat dengan darjah kerohanian seseorang (Zulkiplie Abd. Ghani & Salimah Binti Abu Mansor, 2006). Kepatuhan yang konsisten ini berupaya membentuk jati diri individu yang bertakwa, beriman, dan berperibadi mulia. Kenyataan ini disokong oleh Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, dan Nor Salimah Abu Mansor (2010) yang menjelaskan bahawa penghayatan agama merupakan asas paling fundamental dalam proses pembentukan personaliti seorang Muslim yang utuh. Hal ini demikian kerana agama, iaitu istilah yang dikenali sebagai *al-Dīn* dalam bahasa Arab atau *religion* dalam bahasa Inggeris, bertindak sebagai kompas paling holistik dalam mencorakkan setiap ruang lingkup kehidupan manusia (Mastura Haji Abd Wahab & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, 2021). Selaras dengan itu, dapat dirumuskan bahawa manifestasi nilai

ketaatan kepada agama ini terpancar secara signifikan menerusi watak dan naratif dalam cerita rakyat Melayu *Mahsuri*, seumpama yang diperincikan dalam petikan di bawah:

“Mahsuri yang walaupun sudah sangat lemah tetapi imannya masih teguh. Dia pasrah sahaja kepada Allah yang Maha Kuasa dan reda atas suratan takdir oleh Maha Pencipta.”

(Nisriwani Yahaya dan Syed Zulfida S.M. Noor, 2003: 274)

Menelusuri fragmen tekstual tersebut, nilai ketaatan kepada agama yang dizahirkan secara tuntas menerusi watak *Mahsuri* ketika mendepani detik-detik genting dalam hidupnya. Walaupun digambarkan berada dalam kondisi fizikal yang sangat lemah akibat kezaliman hukuman yang dijatuhkan ke atasnya, pasak keimanan tokoh ini terbukti tidak sedikit pun goyah atau rapuh. Sebaliknya, *Mahsuri* memamerkan sikap kepasrahan mutlak serta penyerahan jiwa secara total kepada takdir Allah SWT. Keteguhan hati *Mahsuri* dalam menerima suratan qada dan qadar dengan penuh keredaan serta keikhlasan mencerminkan keperibadiannya yang luhur. Senario ini memperjelas hakikat bahawa ketaatan kepada agama tidak sekadar dinilai melalui pelaksanaan ibadah ritual yang bersifat luaran, melainkan terpancar menerusi kedalaman penghayatan iman, kekuatan sabar, dan pengabdian dalaman yang tidak berbelah bahagi. Senario ini secara tidak langsung memperkukuh hujah bahawa *Mahsuri* diangkat sebagai lambang individu bertakwa yang meletakkan pergantungan tertinggi kepada Tuhan, meskipun badai ujian yang dihadapi begitu berat serta mengancam nyawanya sendiri.

Seterusnya, nilai ketaatan kepada agama ini dapat dilihat pada cerita rakyat Melayu *Cik Siti Wan Kembang*. Nilai ini akan dijelaskan pada petikan di bawah:

“Sesungguhnya Islam adalah agama yang sempurna, Baginda Cik Siti berpegang teguh pada syariat Islam dalam pelaksanaan segala tanggungjawab baginda sebagai pemerintah. Baginda menjemput ramai alim ulama ke negeri baginda untuk mendidik dan mengasuh rakyat jelata dengan nilai kemanusiaan, hidup bermuafakat serta Pembangunan rohaniah.”

(Nisriwani Yahaya dan Syed Zulfida S.M. Noor, 2003: 70)

Berdasarkan petikan di atas, nilai ketaatan kepada agama dipamerkan secara tersurat dan tersirat menerusi corak kepimpinan *Cik Siti Wan Kembang*. Sebagai nakhoda pentadbiran, baginda menterjemahkan ketaatan tersebut secara praktikal dengan menjadikan syariat Islam sebagai paksi utama dalam menggalas segenap tanggungjawab keduniaan dan keagamaan. Manifestasi ini membuktikan bahawa keperibadian seorang pemerintah yang patuh pada perintah agama bukan sekadar bersifat individu, malah memberi impak yang meluas terhadap landskap kehidupan masyarakat di bawah naungannya. Langkah strategik baginda menjemput golongan alim ulama ke dalam wilayah kesultanan memperlihatkan kesungguhan institusi istana dalam menyemarakkan syiar Islam dan membina asas pendidikan rohani yang kukuh untuk rakyat jelata. Tindakan proaktif ini mendedahkan komitmen baginda bahawa kelangsungan sesebuah tamadun perlu dipandu oleh ilmu wahyu. Manifestasi ini membuktikan secara tuntas bahawa ketaatan kepada agama pada zaman pemerintahan baginda menjadi pemangkin utama dalam membimbing komuniti untuk hidup bermuafakat, berakhlak mulia serta mengutamakan nilai kemanusiaan berteraskan ketakwaan.

Rentetan daripada itu, kajian ini memanfaatkan Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang. Secara khususnya, Pendekatan Dakwah (2002) diaplikasikan bagi menekankan manhaj penyampaian syiar Islam secara berhikmah (*bi al-hikmah*), penuh mau'izah hasanah, dan luhur, yang diadun secara harmoni bersama sistem nilai serta adat budaya masyarakat Melayu budiman. Dalam epistemologi Islam, ketaatan kepada agama bukan sekadar kepatuhan sivil yang bersifat luaran, melainkan sebahagian daripada manifestasi ketauhidan dan pembuktian syahadah yang mengikat setiap peribadi Muslim untuk tunduk secara mutlak kepada syariat Allah SWT. Seterusnya, menerusi kanta Pendekatan Dakwah, pembedahan nilai ketaatan kepada agama dalam naratif *Mahsuri* dan *Cik Siti Wan Kembang* membuktikan rukun istiqamah kedua-dua tokoh tersebut dalam mempertautkan tali akidah dengan lunas-lunas syarak dalam setiap ruang lingkup kehidupan sehinggalah ke titisan darah yang terakhir. Senario ini secara tidak langsung memperkukuh hujah bahawa penyerahan taat setia yang tulus kepada ajaran agama merupakan asas paling fundamental dalam proses *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa) demi melahirkan insan kamil yang beriman, sekali gus mengasas pembentukan sebuah ummah yang diredai Allah SWT (*baladun tayyibatun wa rabbun ghafur*).

Ketaatan kepada agama merujuk kepada manifestasi kepatuhan mutlak seseorang individu terhadap perintah dan larangan yang telah digariskan oleh Allah SWT dalam setiap ruang lingkup kehidupan seharian. Dalam kerangka Islam, ketaatan (*al-ta'ah*) dalam Islam secara hierarkinya bermula dengan kepatuhan mutlak kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW, sebelum disusuli dengan kepatuhan horizontal kepada saf kepimpinan yang konsisten menegakkan syariah Islamiah. Kerangka ini membuktikan secara eksplisit bahawa ketaatan kepada agama bertindak sebagai tiang seri utama dalam eksistensi kehidupan seorang Muslim. Sehubungan itu, Elit Ave Hidayatullah & Syamsuddin Arif (2022), agama berfungsi sebagai paksi etika yang memandu manusia ke arah pembentukan insan beradab lewat pengukuhan iman, ilmu, dan kebahagiaan hakiki (*al-sa'adah*). Kesannya, paksi ketaatan yang utuh ini bukan sahaja menjamin keseimbangan hidup, malah memandu individu ke arah disiplin sendiri yang tinggi, kemantapan akidah dan kelestarian rohani yang syumul.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini berjaya merumuskan beberapa dimensi manifestasi ketaatan yang fundamental, meliputi aspek ketaatan kepada ibu bapa, ketaatan kepada suami, ketaatan rakyat kepada pemerintah, serta ketaatan mutlak kepada agama. Rangkaian nilai ketaatan (*al-ta'ah*) yang digali menerusi korpus cerita rakyat Melayu tradisional ini bukan sekadar sekumpulan teks moral yang pasif, sebaliknya bertindak sebagai instrumen *tarbiah* (didikan jiwa) yang substantif bagi memandu masyarakat ke arah penghayatan syariat Islamiah dalam kehidupan seharian. Hal ini demikian kerana naratif cerita rakyat Melayu tidak pernah bersandarkan acuan sekular, sebaliknya digarap secara halus oleh generasi terdahulu sebagai manhaj dakwah didaktik untuk membentuk sahsiah ummah yang meletakkan kepatuhan kepada pencipta (*habluminallah*) dan keharmonian sesama makhluk (*habluminannas*) pada kedudukan yang seimbang.

Seterusnya, penelitian ini membuktikan bahawa nilai ketaatan dalam khazanah cerita rakyat Melayu memaparkan pelbagai dimensi spiritual yang berupaya menyuntik kesedaran teologis dalam kalangan pembaca, khususnya generasi muda. Pendedahan naratif ini berupaya memurnikan kefahaman khalayak terhadap peri pentingnya memelihara adab, menjaga batasan syarak, serta melaksanakan taklifan (tanggungjawab) sosial berlandaskan tuntutan *amar ma'ruf nahi munkar*. Di samping itu, pengintegrasian nilai-nilai murni ini ke dalam pemikiran kanak-kanak dan remaja menerusi media sastera bertindak sebagai agen *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa) yang mampu melahirkan generasi *insan kamil* yang berdisiplin, berintegriti, dan berpegang teguh kepada paksi tauhid. Kenyataan ini memberikan indikasi yang kukuh

bahawa institusi penceritaan sastra tradisional Melayu memikul fungsi peradaban yang sangat agung dalam mentarbiah moral masyarakat, sekali gus menjadi tiang seri kepada pembentukan sebuah watan yang harmoni, berakhlak mulia, dan mendapat keredaan Allah SWT (*baladun tayyibatun wa rabbun ghafur*).

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Editorial AHJMM, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama penulis makalah. Penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang dibentangkan dalam kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada penulis yang berkaitan.

RUJUKAN

- A'dawiyah Ismail & Siti Najihah Mansor (2021). Teknik Komunikasi Ibu dalam Pembentukan Sahsiah Anak-anak Menurut Islam [Maternal Communication Techniques in the Formation of Children's Personality According to Islam]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 4(3), 131-144.
- Al-Ghazali, A. H. (1997). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Zuhayli Wahbah (2003). *Al-tafsir al-Munir fi al-aqidah wa al-syari'ah wa al-minhaj*. Dar al-Fikir.

- Asep Saepudin. (2024). Analisis Hadis-Hadis tentang Taat Kepada Pemimpin Implikasi dalam Kehidupan Bernegara. *Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*, 2(2), 48-57. <https://doi.org/10.58540/isihumor.v2i2.678>
- Azhar Muhammad & Kamarul Azmi Jasmi (2004). *Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri di Kalangan Orang-Orang Melayu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azhariah Abdul Kadir (2010). *Ketaatan Rakyat Malaysia Terhadap Kepimpinan Negara Ditinjau Menurut Persepektif Teori Ulu Al-Amr*. University of Malaya (Malaysia).
- Elit Ave Hidayatullah & Syamsuddin Arif (2022). Syed Muhammad Naquib Al-Attas' exposition on the concept of ethics. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 24(1), 409-446. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol24no1.12>
- Hashim Awang (1989). Kajian sastra: suatu pendekatan Melayu. *Dewan Sastera*, 60-63.
- Hashim Awang (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu & Prinsipnya*. Kertas kerja. Bengkel Teori Sastera Anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur Di Rivera Bay Resort, Dari 28-29 Jun.
- Ilyas Abdullah & Mohammad Tawfik Bin Yaakub (2021). Kemunculan Masyarakat Sipil: Kesan Terhadap Transformasi Budaya Politik Melayu di Malaysia. *Islam Dan Dinamika Masyarakat Sipil di Malaysia*, 75.
- Jelani Harun (2004). *Pemikiran Melayu Tentang Keadilan Raja: Satu Analisis Berdasarkan Karya Adab Ketatanegaraan Dalam Pemikiran Melayu: Tradisi Dan Kesenambungan*, Disunting Oleh Woramit Baru @ Haji Ahmad Idris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mastura Haji Abd Wahab & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali (2021). Konsep agama, Islam, ilmu dan akhlak oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas dalam Islam: Faham agama dan asas akhlak. *Ulum Islamiyyah*, 33(2), 145-154. <https://doi.org/10.33102/uij.vol33no2.388>
- Mohamad Zuber Ismail dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2017). Prinsip Perancangan Dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 123-139.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Suritati Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Shahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari & Nasirin Abdillah (2022). Kajian mengenai nilai murni melalui keunikan dialek Kelantan dalam cerita rakyat Melayu di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 10(1), 15–32. <https://doi.org/10.47252/teniat.v10i1.819>
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Rohaya Md Ali & Nazilah Mohamad. (2025) Recovering Ancestral Wisdom: The Role Of Folklore In Teaching Human Rights And Social Justice. *Diálogo*, (57) <https://doi.org/10.18316/dilogo.v1i57.12742>
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Nilai-nilai murni dalam seuntai himpunan 366 cerita rakyat Malaysia* [Doctoral dissertation, Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi]. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Rofaizal Ibrahim & Mohd Kamarul Khaidzir Bin Saadan (2018). Ketaatan kepada ibu bapa dalam isu politik. Dalam *4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2018)* (hlm. 306–316). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Muhd Norizam Jamian, Muhammad Irfan Waquiddin Hasanudin & Aulia Sari Torodji (2023). Imej isteri misali dalam hikayat Melayu-Islam: Penerapan metode dakwah melalui Teori Pengkaedahan Melayu. *Akademika*, 93(1), 237–250. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9301-17>
- Nisriwani Yahaya, & Syed Zulflida S.M. Noor. (2003). *101 puteri dunia Melayu: Sejarah dan legenda*. Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Norazimah Zakaria. (2016). Konsep Taat Setia Sebagai Petunjuk Masa Depan Melalui Karya Agung Sebagai Model Jati Diri Bangsa Melayu (The Concept of Loyalty as a Lesson for Tomorrow Through Canonical Texts as a Model of The Malay's Self-Identity). *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*. Volume 1. 173-182.
- Nur Syazwani Bederohisam, & Zubir Idris. (2020). *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu analisis Pengkaedahan Keagamaan*. *Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 112-129.

- Nurul Nasuha Binti Mohd Rosle & Zubir Bin Idris (2018). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(2), 1-15.
- Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Amal Hayati Ishak & Fatin Nabilah Abd Wahid. (2025). Children's Etiquette Towards Parents Based on Kitab Al- Adab Al-Mufrad by Al-Bukhari: Etika Anak Terhadap Ibu Bapa Berdasarkan Kitab Al-Adab Al-Mufrad Karya Al-Bukhari. *Sains Insani*, 10(1), 51–61.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1995). *Prolegomena To the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Tri Widia Wati & Naila Khalidah. (2025). Pandangan Ulama Kecamatan Amuntai Tengah Kabupaten Hulu Sungai Utara Mengenai Batasan Kewajiban Taat Seorang Istri Kepada Suami Yang Tidak Melaksanakan Ajaran Agama. *Sinergi: Jurnal Ilmiah Multidisiplin*, 1(2), 929-944.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan: Common Sense In Oral Narrative Collected at Kota Baharu, Kelantan: An observation on sosial approach. *PENDETA*, 11(2), 126-140. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.10.2020>
- Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, dan Nor Salimah Abu Mansor (2010). Dimensi Penghayatan Agama Mengikut Pendapat Tokoh Agama Semasa. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 13, 37-56. <https://doi.org/10.32890/jps.13.2010.11346>
- Zulkiplie Abd. Ghani & Salimah Binti Abu Mansor (2006). Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis Terhadap Beberapa Pandangan Al-Imam Al-Ghazali. In *Proceeding in National Student Development Conference (NASDEC)* (Vol. 4).